



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

LAPORAN BANCI 2024 PERTANIAN



**KELAPA
SAWIT**





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN BANGCI PERTANIAN 2024

KELAPA SAWIT

Pemakluman

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube: StatsMalaysia
E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)
Harga / *Price* : RM90.00

Diterbitkan pada Disember 2025 / *Published in December 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or redistributed in any form or any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

Penafian / *Disclaimer*

Dapatan Banci Pertanian 2024 yang diterbitkan mengguna pakai konsep dan metodologi pengumpulan data aktiviti pertanian berpandukan manual *World Programme for the Census of Agriculture 2020* (WCA 2020).

Sebarang perbezaan profil atau parameter hasil dapatan banci ini dengan statistik pertanian terbitan pihak lain hendaklah ditafsir dengan sebaik-baiknya. Dapatan ini menggambarkan sektor pertanian bagi tahun 2023 dan boleh dijadikan rujukan bagi perancangan, pemantauan serta penilaian dasar dan program pertanian negara.

The findings of the 2024 Agricultural Census were published using the concepts and methodologies for collecting agricultural activity data as guided by the World Programme for the Census of Agriculture 2020 (WCA 2020) manual.

Any differences in profiles or parameters between the results of this census and agricultural statistics published by other parties should be interpreted with due care. These findings reflect the agricultural sector for the year 2023 and may be used as a reference for the planning, monitoring, and evaluation of national agricultural policies and programmes.

ISBN 978-629-465-147-0

KATA PENGANTAR

Laporan Banci Pertanian 2024: Kelapa Sawit membentangkan parameter kelapa sawit di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter utama tanaman kelapa sawit.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture* (WCA) 2020 bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 10 tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan penemuan parameter utama tanaman kelapa sawit yang merangkumi keluasan bertanam, keluasan dituai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan. Manakala, nota teknikal yang mengandungi konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) turut dibangunkan sebagai platform bersepadu yang memudahkan capaian kepada data pertanian secara digital. TaniStats 2.0 akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber untuk dijadikan rujukan bagi menyokong pembangunan dasar demi kemajuan sektor pertanian negara.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Disember 2025

PREFACE

The Agriculture Census Report 2024: Oil Palm presents the parameters of oil palm in Malaysia for the reference year 2023. This publication contains information on the profile of agricultural holdings covering individuals and establishments as well as the findings of main parameters for oil palm crops.

The compilation of these parameters refers to the World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020 manual for the period 2016 to 2025 which recommends countries to conduct the Agricultural Census at least once in 10 years. Malaysia is among the countries that had conducted the Agriculture Census in 2024 for the reference year 2023.

In producing agricultural profiles and parameters through the implementation of the Agriculture Census 2024, the strategic collaboration between the Department of Statistics Malaysia (DOSM) and key stakeholders namely the Ministry of Agriculture & Food Security, the Ministry of Plantation & Commodities, the Ministry of Natural Resources & Environmental Sustainability, and the State Governments has been firmly established to ensure data integrity.

This publication displays the findings of the main parameters of oil palm crops which include planted area, harvested area, production quantity, sales quantity, sales value, income and expenditure. Meanwhile, technical notes containing concepts & definitions and abbreviations to facilitate users in understanding the published parameters.

The findings of the Agricultural Census 2024 can be utilised by government agencies for the purpose of planning and policy formulation, monitoring and evaluating the effectiveness of the country's agricultural development programs. Meanwhile, economists, academicians and individuals can use these parameters in social and economic analysis and research.

The Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0) was developed as an integrated platform to facilitate secure and systematic digital access to agricultural data. TaniStats 2.0 consolidates agricultural statistics from multiple sources, to serve as a reference in supporting policy development for the advancement of the national agricultural sector.

DOSM would like to express its deepest appreciation for the cooperation given by all parties who have contributed directly or indirectly in the realisation of this publication. Any feedback and suggestions for improving this publication in the future are greatly appreciated.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

December 2025

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA)* 2020 yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci. Penggembelengan tenaga kerja warga DOSM pelbagai peringkat jawatan anggaran seramai 1,400 orang dalam perancangan, pengurusan operasi dan penganalisisan data menunjukkan komitmen dan kesungguhan DOSM dalam menjayakan Banci Pertanian 2024.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perlindungan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi dan prosesan data Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Disember 2024. Seiring dengan usaha memastikan ketepatan dan kualiti data yang dikumpulkan, Semakan Kualiti (QC) dan Penilaian Liputan Banci (PLB) turut dijalankan di lapangan dengan tujuan untuk menilai keberkesanan liputan, sejajar dengan piawaian antarabangsa yang disyorkan oleh Food and Agriculture Organization (FAO) dan WCA. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 ini adalah hasil kolaborasi dan kerjasama strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi pelbagai di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Daerah. Kerjasama ini bermula daripada peringkat awal penentuan konsep, liputan banci, pembangunan soal selidik, operasi dan proses validasi dan analisis data bagi menjamin penghasilan data yang berintegriti dan *reliable*. Kolaborasi ini melibatkan 308 sesi meja bulat/ mesyuarat, 124 sesi latihan/ bengkel, 100 sesi pemukiman, 163 sesi review dan pengabsahan data serta 105 kunjungan hormat/ lawatan kerja. Beberapa sesi libat urus dan bengkel mengikut kluster pertanian turut diadakan antara DOSM dengan agensi pertanian untuk meneliti dapatan banci dan mengabsahkan senarai liputan pegangan pertanian secara kolektif. Sesi ini juga bertujuan menjamin konsistensi, selain merapatkan jurang data dengan data pentadbiran yang sedia ada di pelbagai peringkat agensi.

Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2025. Sejumlah 17 Laporan Interim Banci Pertanian 2024 serta tiga (3) laporan penerbitan khas iaitu Laporan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia Dari Hulu ke Hilir, Laporan Awalan Indikator Keterjaminan Makanan Malaysia 2025 dan Laporan Khas Bawang, Daging dan Kelapa. Sebagai langkah memperkukuh pengurusan data pertanian bersepadu negara menerusi digitalisasi, dua *dashboard* baharu telah dilancarkan iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu (TaniStats) dan Aplikasi Harga Produk Pertanian (*MyAgroPrice*). Sementara itu, Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 peringkat negeri turut dilaksanakan secara berperingkat di semua negeri melibatkan 14 penerbitan Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats 2.0 akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan.

Halaman utama portal TaniStats 2.0 ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats 2.0 sebagai sistem bersepadu untuk data dan statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats 2.0 dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats 2.0 juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantaian edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data asas yang terkini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan sebagai sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KANDUNGAN

	Muka surat
Kata Pengantar	iii
Banci Pertanian 2024	v
Kandungan	ix
Senarai Jadual	x
Parameter Utama	1
Penemuan Utama	9
Rencana	29
Kos Input Dalam Aktiviti Penanaman Kelapa Sawit	31
Transformasi Ladang Sawit Malaysia Melalui Penggunaan Dron Pintar	35
Analisis Morfologi Buah Sawit dan Kaitannya dengan Pengeluaran Minyak Sawit Mentah	39
Produktiviti Sawit dan Faktor yang Mempengaruhi Hasil Tandan Buah Segar (TBS)	43
Jadual	47
Nota Teknikal	247
Penghargaan	267
Lampiran	273

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	49
1.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	50
2.0	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023	55
2.1	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Johor, 2023	57
2.2	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Kedah, 2023	59
2.3	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Kelantan, 2023	61
2.4	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Melaka, 2023	63
2.5	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Negeri Sembilan, 2023	65
2.6	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Pahang, 2023	67
2.7	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Pulau Pinang, 2023	69
2.8	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Perak, 2023	71
2.9	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Perlis, 2023	73
2.10	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Selangor, 2023	75
2.11	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Terengganu, 2023	77
2.12	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023	79

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
2.13	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Sarawak, 2023	81
2.14	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, W.P. Kuala Lumpur, 2023	83
2.15	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, W.P. Labuan, 2023	85
2.16	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, W.P. Putrajaya, 2023	87
2.17	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	89
2.18	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	90
2.19	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	95
2.20	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	96
2.21	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	101
2.22	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	102
2.23	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023	111
2.24	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023	112
2.25	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	121
2.26	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	122
2.27	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	131

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
2.28	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	134
3.0	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023	161
3.1	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023	162
3.2	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	163
3.3	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023	164
3.4	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023	165
3.5	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023	166
3.6	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023	167
3.7	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023	168
3.8	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023	169
3.9	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023	170
3.10	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023	171
3.11	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023	172
3.12	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023	173
3.13	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023	174

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
3.14	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023	175
3.15	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023	176
3.16	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023	177
3.17	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023	178
3.18	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023	179
3.19	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023	180
3.20	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023	181
3.21	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023	182
3.22	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023	183
3.23	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023	184
3.24	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023	185
3.25	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023	186
3.26	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023	187
3.27	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	188
3.28	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	189

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
3.29	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	190
3.30	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023	191
3.31	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023	192
3.32	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023	193
3.33	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023	194
3.34	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023	196
3.35	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023	198
3.36	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023	200
3.37	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023	202
3.38	Parameter Utama Tanaman Kelapa Sawit bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023	204
4.0	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	206
4.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	207
5.0	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	212
5.1	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	213
6.0	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	218

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
6.1	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	219
7.0	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	224
7.1	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	225
8.0	Pendapatan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	234
8.1	Pendapatan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	235
9.0	Perbelanjaan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	240
9.1	Perbelanjaan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	241








Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PARAMETER UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN TANAMAN KELAPA SAWIT, MALAYSIA, 2023



 Pegangan Pertanian Individu
  Keluasan Bertanam
  Keluasan Bertuai
  Kuantiti Pengeluaran
  Kuantiti Jualan
  Nilai Jualan
  Pendapatan
  Perbelanjaan

Sumber: Banci Pertanian 2024





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PROFIL PEGANGAN PERTANIAN DAN PARAMETER UTAMA TANAMAN KELAPA SAWIT, MALAYSIA, 2023

PEGANGAN PERTANIAN

Jumlah



246,047

Individu



236,241

Pertubuhan



9,806

KEWARGANEGARAAN (ORANG)



Warganegara
236,039
99.9%



Bukan Warganegara
202
0.1%

JANTINA (ORANG)



Lelaki
179,610
76.0%



Perempuan
56,631
24.0%

KUMPULAN UMUR (ORANG)



15 - 30 tahun
4,145 (1.7%)



46 - 59 tahun
73,432 (31.1%)



31 - 45 tahun
37,522 (15.9%)



60 tahun dan ke atas
121,142 (51.3%)

KUMPULAN ETNIK (ORANG)



Bumiputera

185,659 (78.7%)



India

3,750 (1.6%)



Cina

45,851 (19.4%)



Lain - lain

779 (0.3%)

Nota: Warganegara sahaja

TARAF PERKAHWINAN (ORANG)



Tidak Pernah Berkahwin
16,809 (7.1%)



Berkahwin
183,854 (77.8%)



Berceraai / Berpisah
3,938 (1.7%)



Balu/Duda
31,640 (13.4%)

SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH (ORANG)



Tertiari
21,548 (9.1%)



Rendah
69,693 (29.5%)



Menengah
78,843 (33.4%)



Tiada Sijil
66,157 (28.0%)

PARAMETER UTAMA TANAMAN KELAPA SAWIT, MALAYSIA, 2023



Pegangan
Pertanian

246,047



Keluasan
Bertanam (Ha)

5,822,496



Keluasan
Bertuai (Ha)

5,123,113



Kuantiti
Pengeluaran (mt)

95,080,707



Kuantiti
Jualan (mt)

95,080,707



Nilai Jualan
(RM juta)

83,300.31



Jumlah



Individu



Pertubuhan

236,241
(96.0%)

907,511
(15.6%)

875,560
(17.1%)

13,378,024
(14.1%)

13,378,024
(14.1%)

11,030.85
(13.2%)

9,806
(4.0%)

4,914,984
(84.4%)

4,247,554
(82.9%)

81,702,684
(85.9%)

81,702,684
(85.9%)

72,269.44
(86.8%)



Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TANAMAN KELAPA SAWIT, MALAYSIA, 2023



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT NEGERI (RM JUTA)



Nota: Peta tidak mengikut skala yang sebenar

Sumber: Banci Pertanian 2024





HIGHLIGHTS OF OIL PALM CROP, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURE HOLDING PROFILE



96.0 % (236,241)
are Individual
Agriculture Holding

Citizenship

99.9%



Malaysian

Ethnic Group

78.7%



Bumiputera

Sex

76.0%



Male

Age Group

51.3%



60 years
and above

Marital Status

77.8%



Married

Highest Certificate Attained

33.4%



Secondary



15.6% (907,511 hectares) of
the planted area was
recorded by **Individual
Agriculture Holding**



17.1% (875,560 hectares) of
the harvested area was
recorded by **Individual
Agriculture Holding**



13.2% (RM11.03 billion)
of the total sales was by
**Individual Agriculture
Holding**



14.5% (RM13.48 billion) of
the income was contributed by
**Individual Agriculture
Holding**



14.1% (13.4 million tonne) of
production and sales quantity
led by **Individual
Agriculture Holding**



Sarawak contributed 28.5%
(3.8 million tonne) of the total
quantity production by
**Individual Agriculture
Holding**



16.7% (RM 4.56 billion) of
the expenditure was contributed
by **Individual Agriculture
Holding**



Individual
Agriculture
Holding



Planted
Area



Harvested
Area



Production
Quantity



Sales
Quantity



Sales Value



Income



Expenditure

Source: Agriculture Census 2024





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURE HOLDING PROFILE AND KEY PARAMETERS OIL PALM CROP, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURE HOLDING

Total



246,047

Individual



236,241

Establishment



9,806

CITIZENSHIP (PERSONS)



Malaysian

236,039

99.9%



Non Malaysian

202

0.1%

SEX (PERSONS)



Male
179,610
76.0%



Female
56,631
24.0%

AGE GROUP (PERSONS)



15 - 30 years
4,145 (1.7%)



46 - 59 years
73,432 (31.1%)



31 - 45 years
37,522 (15.9%)



60 years and above
121,142 (51.3%)

ETHNIC GROUP (PERSONS)



Bumiputera

185,659 (78.7%)



Indian

3,750 (1.6%)



Chinese

45,851 (19.4%)



Others

779 (0.3%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)



Never Married
16,809 (7.1%)



Married
183,854 (77.8%)



Divorced / Separated
3,938 (1.7%)



Widow / Widower
31,640 (13.4%)

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)




Tertiary
21,548 (9.1%)



Primary
69,693 (29.5%)



Secondary
78,843 (33.4%)



No Certificate
66,157 (28.0%)

KEY PARAMETERS OF THE OIL PALM CROP, MALAYSIA, 2023



Agriculture Holding

246,047



Planted Area
(Ha)

5,822,496



Harvested Area
(Ha)

5,123,113



Production Quantity
(mt)

95,080,707



Sales Quantity
(mt)

95,080,707



Sales Value
(RM million)

83,300.31



Total



Individual

236,241
(96.0%)

907,511
(15.6%)

875,560
(17.1%)

13,378,024
(14.1%)

13,378,024
(14.1%)

11,030.85
(13.2%)



Establishment

9,806
(4.0%)

4,914,984
(84.4%)

4,247,554
(82.9%)

81,702,684
(85.9%)

81,702,684
(85.9%)

72,269.44
(86.8%)

Source: Agricultural Census 2024



@StatsMalaysia





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE OIL PALM CROP, MALAYSIA, 2023



INCOME
(RM million)



Malaysia
RM 92,678.76



Individual
RM 13,477.66
14.5%



Establishment
RM 79,201.09
85.5%



Expenditure
(RM million)



Malaysia
RM 27,347.52




Individual
RM 4,560.07
16.7%



Pertubuhan
RM 22,787.45
83.3%

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agricultural Census 2024



@StatsMalaysia





PENEMUAN UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024 : Kelapa Sawit memaparkan parameter utama tanaman kelapa sawit bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman kelapa sawit untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman kelapa sawit merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah pentadbiran manakala nilai pendapatan dan perbelanjaan mengikut negeri. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman kelapa sawit dijalankan.




2.0 LATAR BELAKANG

Kelapa sawit (*Elaeis guineensis*) merupakan salah satu komoditi pertanian utama dalam sektor pertanian di Malaysia. Sejak diperkenalkan pada awal abad ke-20, tanaman ini telah berkembang pesat dan kini menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain menjana pendapatan negara melalui aktiviti eksport, industri kelapa sawit turut menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, khususnya di kawasan luar bandar. Di peringkat global, minyak sawit digunakan secara meluas dalam pelbagai industri seperti pemprosesan makanan, kosmetik dan penghasilan biodiesel, sekali gus menjadikannya antara komoditi yang amat signifikan dalam pasaran dunia.

3.0 PARAMETER TANAMAN KELAPA SAWIT

Parameter tanaman kelapa sawit seperti jumlah pegangan pertanian, keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti dan nilai jualan serta pendapatan dan perbelanjaan menjadi rujukan penting dalam merancang pembangunan perladangan, mengoptimumkan penggunaan sumber serta meningkatkan prestasi pengeluaran kelapa sawit secara berterusan.

Paparan 1: Parameter Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023




3.1 Profil Pegangan Pertanian

3.1.1 Malaysia

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 246,047 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti penanaman kelapa sawit.

Daripada jumlah tersebut, 236,241 merupakan pegangan pertanian individu, manakala 9,806 lagi merupakan pegangan pertanian dalam kategori pertubuhan.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023




3.1.2 Negeri

Lima negeri yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi ialah Johor (51,494 orang), diikuti oleh Sarawak (50,386 orang), Perak (33,329 orang), Sabah (32,571 orang) dan Pahang (25,788 orang).

Sementara itu, bagi kategori pegangan pertanian pertubuhan, lima negeri dengan bilangan tertinggi ialah Sabah (2,398 pertubuhan), Johor (1,611 pertubuhan), Sarawak (1,476 pertubuhan), Perak (1,021 pertubuhan) dan Pahang (892 pertubuhan).

Paparan 3: Pegangan Pertanian Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.1.3 Daerah Pentadbiran

Batu Pahat, Johor mencatatkan seramai 15,038 orang pegangan pertanian individu, iaitu mewakili 6.11 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Ini diikuti oleh Kluang, Johor dengan 8,151 (3.3%) orang pegangan pertanian individu, Manjung, Perak seramai

7,570 (3.1%) pegangan pertanian individu. Manakala Sandakan, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertubuhan tertinggi iaitu sebanyak 533 pertubuhan (0.2%). Ini diikuti Tawau, Sabah sebanyak 513 pertubuhan (0.2%), dan Kluang, Johor sebanyak 421 pertubuhan (0.2%).

Paparan 4: Tiga Daerah Pentadbiran Teratas bagi Bilangan Pegangan Pertanian Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

Bilangan Pengusaha		Individu		Pertubuhan	
Batu Pahat	15,214	Batu Pahat	15,038	Sandakan	533
Kluang	8,572	Kluang	8,151	Tawau	513
Manjung	7,703	Manjung	7,570	Kluang	421


3.2 Kewarganegaraan

Pegangan pertanian individu yang berstatus warganegara merangkumi 99.9 peratus iaitu seramai 236,039 orang. Manakala, selebihnya iaitu 202 orang memegang status bukan warganegara bersamaan dengan 0.1 peratus.

3.3 Jantina

Secara keseluruhan, tanaman kelapa sawit di Malaysia telah didominasi oleh pegangan pertanian lelaki seramai 179,610 orang mewakili 76.0 peratus daripada jumlah pegangan pertanian individu. Manakala, pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 56,631 orang (24.0%).

Paparan 5 : Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kelapa Sawit mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kelapa Sawit mengikut Jantina, Malaysia, 2023




3.4 Kumpulan Etnik

Seramai 185,659 orang atau hampir 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian adalah dari etnik Bumiputera. Bagi kumpulan etnik Cina pula, mencatatkan sebanyak 45,851 orang, mewakili kira-kira 20 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian. Etnik India dan Lain-lain, mencatatkan kurang 2 peratus daripada jumlah pengusaha, menjadikan etnik ini sebagai kumpulan minoriti dalam struktur etnik pengusaha kelapa sawit di Malaysia.


3.5 Kumpulan Umur

Melihat kepada pecahan kumpulan umur, lebih 50 peratus pegangan pertanian individu berada dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas meliputi seramai 121,142 orang (51.3%), diikuti dengan kumpulan umur 46 hingga 59 tahun (73,432 orang; 31.1%); kumpulan umur 31 hingga 45 tahun (37,522 orang, 15.9%) dan kumpulan umur 15 hingga 30 tahun (4,145 orang; 1.8%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kelapa Sawit mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023




3.6 Taraf Perkahwinan

Status perkahwinan menunjukkan bahawa pemilik pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti tanaman kelapa sawit didominasi oleh individu berstatus berkahwin dengan jumlah seramai 183,854 orang atau 77.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh balu atau duda seramai 31,6340 orang iaitu bersamaan 13.4 peratus. Bagi kategori tidak pernah berkahwin pula, ia mencatatkan jumlah seramai 16,809 orang atau 7.1 peratus. Manakala pegangan pertanian individu dalam kalangan yang berstatus bercerai dan berpisah pula mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu 3,938 orang (1.7%).


3.7 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu tanaman kelapa sawit pendidikan menengah seramai 78,843 orang (33.4%). Ini diikuti individu pendidikan rendah iaitu sebanyak 69,693 orang (29.5%). Seterusnya, individu yang tiada sijil adalah seramai 66,157 orang (28.0%). Sementara itu, 9.1% peratus atau 21,548 orang mempunyai pendidikan tertiar.

Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kelapa Sawit mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



Paparan 10: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kelapa Sawit mengikut Sijil Tertinggi, Malaysia, 2023



4.0 KELUASAN BERTANAM


4.1 Malaysia

Keluasan bertanam bagi aktiviti penanaman kelapa sawit terdiri daripada dua komponen utama, iaitu keluasan matang dan keluasan belum matang. Keluasan matang merujuk kepada kawasan yang telah ditanam dengan kelapa sawit yang mencapai peringkat mengeluarkan hasil. Ia termasuk bukan sahaja pokok yang berada pada tahap produktif optimum, tetapi juga pokok tua yang masih terdapat dalam kawasan ladang walaupun hasilnya berkurangan. Sebaliknya, keluasan belum matang merujuk kepada kawasan yang telah ditanam dengan kelapa sawit namun masih berada pada peringkat awal pertumbuhan dan

belum menghasilkan buah. Kawasan ini lazimnya meliputi kawasan penanaman semula atau pembukaan ladang baharu yang memerlukan tempoh beberapa tahun sebelum mencapai hasil yang stabil.

Secara keseluruhan, keluasan bertanam kelapa sawit di Malaysia direkodkan sebanyak 5.8 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, 907.5 ribu hektar (15.6%) merupakan kawasan yang diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 4.9 juta hektar (84.4%) berada di bawah kategori pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 11: Keluasan Bertanam Tanaman Kelapa Sawit mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023




4.2 Negeri

Mengikut pecahan negeri, terdapat tiga negeri utama yang mencatatkan keluasan tanaman kelapa sawit melebihi 800 ribu hektar. Sarawak merekodkan keluasan tertinggi dengan 1.7 juta hektar, diikuti oleh Sabah dengan 1.5 juta hektar dan Pahang sebanyak 819.8 ribu hektar.

4.3 Daerah Pentadbiran

Pecahan keluasan bertanam mengikut daerah pentadbiran menunjukkan bahawa beberapa daerah pentadbiran utama di Sabah mencatatkan keluasan bertanam tertinggi, iaitu Kinabatangan (335.2 ribu hektar), Lahad Datu (268.9 ribu hektar), Tawau (228.1 ribu hektar), dan Beluran (224.8 ribu hektar) dan diikuti dengan Rompin, Pahang 209.9 ribu hektar.

Paparan 12: Lima Negeri Terbesar bagi Keluasan Bertanam Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023



Paparan 13: Lima Daerah Pentadbiran Terbesar bagi Keluasan Bertanam Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

Jumlah (hektar)		Individu (hektar)		Pertubuhan (hektar)	
Kinabatangan	335,184.0	Batu Pahat	34,073.4	Kinabatangan	316,515.0
Lahad Datu	268,899.6	Subis	30,922.6	Lahad Datu	247,438.1
Tawau	228,074.5	Kluang	29,543.2	Tawau	203,192.6
Beluran	224,824.3	Beluran	28,115.5	Rompin	199,320.1
Rompin	209,852.7	Miri	28,050.1	Beluran	196,708.8


5.0 KELUASAN BERTUAI

5.1 Malaysia

Keluasan bertuai penanaman kelapa sawit merujuk kepada jumlah kawasan ladang yang telah mencapai tahap matang dan sedang menghasilkan tandan buah segar (TBS). Kawasan bertuai bukan sahaja menentukan kuantiti pengeluaran tahunan, tetapi juga mempengaruhi perancangan kapasiti kilang, pengurusan tenaga kerja, dan strategi pembangunan industri secara keseluruhan.

Banci Pertanian 2024 merekodkan keluasan bertuai bagi tanaman kelapa sawit adalah sebanyak 5.1 juta hektar, iaitu mewakili lebih daripada 95 peratus daripada keseluruhan keluasan matang yang direkodkan. Daripada jumlah tersebut, 875.6 ribu hektar (17.1%) merupakan kawasan yang diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala selebihnya, 4.2 juta hektar (82.9%) berada di bawah kategori pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 14: Keluasan Bertuai Tanaman Kelapa Sawit mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



5.2 Negeri


Mengikut pecahan negeri, tiga negeri utama mencatatkan keluasan tuaian tanaman kelapa sawit tertinggi, iaitu Sarawak dengan 1.5 juta hektar, diikuti oleh Sabah (1.3 juta hektar) dan Pahang (729.1 ribu hektar).

Tumpuan aktiviti pengeluaran kelapa sawit masih kekal di ketiga-tiga negeri ini dengan menyumbang sebahagian besar daripada keseluruhan keluasan bertuai kelapa sawit negara.

5.3 Daerah Pentadbiran

Empat daerah di Sabah kekal mencatatkan keluasan bertuai terbesar. Kinabatangan mencatatkan keluasan sebanyak 284,578 hektar, diikuti oleh Lahad Datu (229,040 hektar), Tawau (213,639 ha) dan Beluran (196,863 ha), manakala Rompin, Pahang mencatatkan keluasan bertuai 185,020 hektar. Keadaan ini menunjukkan bahawa Sabah memiliki keluasan tanah yang amat sesuai bagi aktiviti perladangan kelapa sawit berskala besar.

Paparan 15: Lima Negeri Terbesar bagi Keluasan Bertuai Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023



Paparan 16: Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi bagi Keluasan Bertuai Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

Jumlah (hektar)		Individu (hektar)		Pertubuhan (hektar)	
Kinabatangan	284,577.5	Batu Pahat	32,847.0	Kinabatangan	266,574.3
Lahad Datu	229,040.1	Subis	29,848.0	Lahad Datu	208,338.1
Tawau	213,638.5	Kluang	28,488.6	Tawau	189,655.0
Beluran	196,863.0	Beluran	27,161.5	Rompin	174,864.8
Rompin	185,020.1	Miri	27,058.7	Beluran	169,701.5

6.0 KUANTITI PENGELUARAN

6.1 Malaysia

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah buah kelapa sawit yang telah dituai. Jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran buah kelapa sawit yang dicatatkan dalam dapatan Banci Pertanian 2024 ialah 95.1 juta tan metrik.

Daripada jumlah tersebut, 13.4 juta tan metrik merupakan kuantiti pengeluaran oleh pegangan pertanian individu, manakala 81.7 juta tan metrik lagi dicatatkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 17: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Kelapa Sawit mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



6.2 Negeri

Dari segi kuantiti pengeluaran, Sarawak dan Sabah kekal sebagai dua negeri utama yang mencatatkan jumlah tertinggi, masing-masing sebanyak 22.6 juta tan metrik dan 22.4 juta tan

metrik, diikuti oleh Pahang dengan 15.5 juta tan metrik. Keadaan ini sejajar dengan keluasan tuaian yang meluas di ketiga-tiga negeri tersebut.

Paparan 18: Lima Negeri Tertinggi bagi Kuantiti Pengeluaran Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023



6.3 Daerah Pentadbiran

Batu Pahat, Johor merupakan daerah utama yang menyumbang pengeluaran kelapa sawit individu dengan kuantiti pengeluaran berjumlah 591.8 ribu tan metrik. Manakala, Kluang, Johor merekodkan pengeluaran kelapa sawit individu sebanyak 512.4 ribu tan metrik dan Maran, Pahang sebanyak 425.7 ribu tan metrik.

Sementara itu, pengeluaran tertinggi kelapa sawit bagi pegangan pertanian pertubuhan direkodkan di Kinabatangan, Sabah dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 4.6 juta tan metrik. Ini diikuti oleh Rompin, Pahang dan Lahad Datu, Sabah dengan masing-masing menyumbang kuantiti pengeluaran sebanyak 3.8 juta dan 3.6 juta tan metrik.

Paparan 19: Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi bagi Kuantiti Pengeluaran Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

Jumlah (tan metrik)		Individu (tan metrik)		Pertubuhan (tan metrik)	
Kinabatangan	4.9 juta	Batu Pahat	591.8 ribu	Kinabatangan	4.6 juta
Rompin	4.0 juta	Kluang	512.4 ribu	Rompin	3.8 juta
Lahad Datu	3.9 juta	Maran	425.7 ribu	Lahad Datu	3.6 juta
Tawau	3.6 juta	Subis	392.3 ribu	Tawau	3.3 juta
Beluran	3.3 juta	Muar	385.1 ribu	Beluran	3.0 juta


7.0 KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

7.1 Malaysia

Dalam konteks Banci Pertanian, kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi buah kelapa sawit adalah sama, memandangkan semua hasil tuaian lazimnya dijual secara langsung tanpa disimpan. Amalan ini adalah selari dengan sifat mudah rosak buah kelapa sawit yang memerlukan ianya diproses dalam tempoh yang singkat selepas dituai bagi memastikan kualiti dan hasil minyak yang optimum.

Dari segi nilai jualan, jumlah keseluruhan nilai jualan kelapa sawit mencecah RM83.30 bilion. Daripada jumlah ni, RM11.03 bilion disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, manakala RM72.27 bilion pula dijana oleh pegangan pertanian pertubuhan. Angka-angka ini menunjukkan sumbangan besar subsektor kelapa sawit terhadap pertumbuhan ekonomi negara, khususnya dalam menjana pendapatan melalui aktiviti pertanian dan eksport komoditi utama.

Paparan 20: Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Tanaman Kelapa Sawit mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



7.2 Negeri

Dari segi nilai jualan, Sabah dan Sarawak mencatatkan jumlah tertinggi, masing-masing sebanyak RM18.92 bilion dan RM18.61 bilion, diikuti oleh Pahang dengan RM14.19 bilion.


Nilai jualan yang tinggi ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga negeri tersebut merupakan penyumbang utama kepada pendapatan hasil kelapa sawit di Malaysia.

7.3 Daerah Pentadbiran

Batu Pahat, Johor merekodkan nilai jualan kelapa sawit tertinggi dengan berjumlah RM507.18 juta. Ini diikuti Kluang, Johor dan Maran, Pahang masing-masing dengan nilai jualan sebanyak RM439.86 juta dan RM367.07 juta.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kinabatangan, Sabah merupakan penyumbang jualan kelapa sawit tertinggi dengan nilai jualan sebanyak RM3.93 bilion. Manakala, Rompin, Pahang dan Lahad Datu, Sabah masing-masing mencatatkan nilai jualan kelapa sawit berjumlah RM3.51 bilion dan RM3.09 bilion.

Paparan 21: Lima Negeri Tertinggi bagi Nilai Jualan Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 22: Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi bagi Nilai Jualan Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

Jumlah (RM juta)		Individu (RM juta)		Pertubuhan (RM juta)	
Kinabatangan	4,118.00	Batu Pahat	507.18	Kinabatangan	3,925.37
Rompin	3,664.13	Kluang	439.86	Rompin	3,506.86
Lahad Datu	3,309.86	Maran	367.07	Lahad Datu	3,086.81
Tawau	3,036.91	Muar	334.93	Tawau	2,779.16
Kluang	2,901.86	Subis	307.30	Kota Tinggi	2,654.19


8.0 PENDAPATAN

8.1 Malaysia

Dapatan Banci Pertanian 2024, mencatatkan jumlah pendapatan keseluruhan jualan buah kelapa sawit ialah sebanyak RM92.68 bilion. Daripada nilai tersebut, RM13.48 bilion merupakan jumlah pendapatan

yang diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala sebanyak RM79.20 bilion berada di bawah kategori pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 23 : Pendapatan Tanaman Kelapa Sawit mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



8.2 Negeri

Terdapat tiga negeri yang mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi bagi tanaman kelapa sawit, iaitu Sabah dengan RM20.90 bilion, diikuti oleh Sarawak RM20.81 bilion dan Pahang RM15.65 bilion.

Ketiga-tiga negeri ini secara keseluruhannya menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pendapatan kelapa sawit negara.

Paparan 24 : Lima Negeri Tertinggi bagi Pendapatan Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023



8.3 Daerah Pentadbiran

Kinabatangan, Sabah merekodkan jumlah pendapatan tertinggi dengan RM4.50 bilion diikuti Rompin, Pahang, RM4.00 bilion dan Lahad Datu, Sabah RM3.63 bilion. Pegangan pertanian individu dengan pendapatan tertinggi iaitu Batu Pahat, Johor dengan RM619.27 juta, diikuti Kluang, Johor,

RM537.07 juta dan Maran, Pahang RM448.20 juta. Kinabatangan, Sabah turut mencatatkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM4.27 bilion, diikuti Rompin, Pahang RM3.81 bilion dan Lahad Datu, Sabah RM3.36 bilion.

Paparan 25: Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi bagi Pendapatan Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

 Jumlah (RM juta)		 Individu (RM juta)		 Pertubuhan (RM juta)	
Kinabatangan	4,501.91	Batu Pahat	619.27	Kinabatangan	4,266.71
Rompin	4,003.84	Kluang	537.07	Rompin	3,811.81
Lahad Datu	3,627.57	Maran	448.20	Lahad Datu	3,355.23
Tawau	3,335.54	Muar	408.96	Tawau	3,020.83
Kluang	3,213.16	Subis	375.21	Kota Tinggi	2,884.99


9.0 PERBELANJAAN

9.1 Malaysia

Jumlah belanja untuk tanaman kelapa sawit di Malaysia dari dapatan Banci Pertanian 2024 adalah sebanyak RM27.35 bilion.

Daripada jumlah tersebut, RM4.56 bilion merupakan jumlah belanja untuk pegangan pertanian individu, manakala sebanyak RM22.79 bilion untuk pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 26 : Perbelanjaan Tanaman Kelapa Sawit mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



9.2 Negeri

Mengikut pecahan negeri, terdapat tiga negeri yang mencatatkan jumlah belanja sawit

tertinggi iaitu Sarawak (RM6.37 bilion), diikuti Sabah (RM6.22 bilion) dan Pahang sebanyak (RM4.47 bilion).

Paparan 27 : Lima Negeri Tertinggi bagi Perbelanjaan Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023



9.3 Daerah Pentadbiran

Kinabatangan, Sabah merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi dengan RM1.31 bilion, diikuti Rompin, Pahang RM1.15 bilion dan Lahad Datu, Sabah RM1.06 bilion. Batu Pahat, Johor mempunyai jumlah perbelanjaan daerah pentadbiran yang tertinggi bagi pegangan

pertanian individu dengan RM187.08 juta, diikuti Kluang, Johor, RM162.80 juta dan Subis, Sarawak, RM147.00 juta. Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Kinabatangan, Sabah mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi dengan RM1.23 bilion, diikuti Rompin, Pahang, RM1.10 bilion dan Lahad Datu, Sabah, RM962.23 juta.

Paparan 28: Lima Daerah Pentadbiran Tertinggi bagi Perbelanjaan Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

 Jumlah (RM juta)		 Individu (RM juta)		 Pertubuhan (RM juta)	
Kinabatangan	1,312.87	Batu Pahat	187.08	Kinabatangan	1,226.96
Rompin	1,149.33	Kluang	162.80	Rompin	1,098.61
Lahad Datu	1,061.60	Subis	147.00	Lahad Datu	962.23
Tawau	983.79	Beluran	124.46	Tawau	869.04
Kluang	933.98	Muar	124.25	Kota Tinggi	820.92



RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Kos Input Dalam Aktiviti Penanaman Kelapa Sawit

Badrulhisham Bin Md Khalid, Muhammad Muzaimy Bin Rahemi,
Izzah Nur Syazana Tukiran
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

Kepentingan Industri Kelapa Sawit dalam Ekonomi Negara

Kelapa sawit terus menjadi komoditi penting dalam sektor pertanian Malaysia dan memainkan peranan utama dalam menjana pendapatan negara. Sebagai pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia selepas Indonesia, industri ini memerlukan penggunaan input pengeluaran yang tinggi untuk mengekalkan hasil yang konsisten sekaligus memastikan produktiviti ladang berada pada tahap optimum. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, struktur kos input dalam penanaman sawit melibatkan beberapa komponen utama yang memberi kesan langsung kepada keberhasilan ladang dan daya saing pengeluaran.

Kos Bahan dan Input Pertanian

Kos ini meliputi pembelian baja seperti NPK, urea, batuan fosfat dan MOP yang menjadi keutamaan kepada pengeluaran buah sawit. Baja merupakan komponen kos terbesar kerana ia perlu diberikan secara berkala mengikut umur pokok dan keperluan nutrien tanah selain racun perosak. Bagi ladang baharu atau penanaman semula, kos input turut meningkat disebabkan keperluan membeli anak benih berkualiti, polibeg dan bahan penutup bumi bagi mengurangkan hakisan serta mengekalkan kelembapan tanah.

Jadual 1 : Penggunaan Baja Kelapa Sawit per Hektar

Jenis Kebun Kelapa	Jenis Baja	Anggaran Kg/Ha/Setahun	Kekerapan
Belum Matang (1–3 thn)	Baja NPK seimbang (15:15:15 / 12:12:17:2)	200–300 kg/ha	3–4 kali setahun
	Baja Organik (jika perlu)	100–150 kg/ha	1–2 kali setahun
Matang (<4 thn)	Baja NPK rendah N (12:12:17:2 / 10:10:20)	150–250 kg/ha	2–3 kali setahun

Kos Tenaga Buruh

Kos tenaga buruh terdiri daripada 2 kategori utama, iaitu pekerja bergaji dan pembayaran kepada pihak lain. Ianya merangkumi pembayaran upah kepada pekerja bagi menjalankan pelbagai kerja ladang termasuk menanam, membaja, meracun, memangkas pelepah dan menuai buah. Aktiviti seperti penuaian buah tandan segar memerlukan tenaga kerja mahir, dan pergantungan tinggi kepada pekerja asing menjadikan kos buruh meningkat dari tahun ke tahun. Kenaikan kadar upah minimum memberi kesan kepada kos operasi keseluruhan. Bagi ladang yang tidak melaksanakan mekanisasi secara menyeluruh, kos buruh menjadi lebih dominan dan menyumbang kepada keseluruhan perbelanjaan tahunan.

Kos Bahan Bakar dan Utiliti

Kos ini merangkumi penggunaan bahan api seperti diesel untuk jentera ladang, lori pengangkut buah, serta pam air. Dengan peningkatan mekanisasi dalam ladang, permintaan terhadap jentera semakin meningkat, sekali gus menyebabkan kos penyelenggaraan alat ganti dan penggantian jentera turut bertambah. Aktiviti penyelenggaraan jalan ladang, longkang, dan sistem pengairan juga termasuk dalam komponen ini. Kerosakan infrastruktur ladang, terutamanya selepas musim hujan, memerlukan kerja pembaikan yang meningkatkan lagi perbelanjaan operasi tahunan.

Jadual 2 : Bahan Api yang digunakan untuk Tanaman Kelapa Sawit

Jenis Kebun Kelapa Sawit	Mesin 2 Lejang (minyak campur)	Mesin 4 Lejang (petrol sahaja)	Bilangan Pusingan Setahun	Anggaran Petrol/ Ha/Tahun (Mesin 4T)
Belum Matang (1–3 thn)	5-8 liter/ha	10-15 liter/ha	4–6 kali	25–40 liter
Matang <4 thn)	8-12 liter/ha	20-30 liter/ha	3–5 kali	15–24 liter

Kos Perkhidmatan dan Sewaan

Pengusaha yang bukan pemilik tanah perlu membayar kos sewaan tanah yang berbeza mengikut lokasi dan jenis tanah. Selain itu, terdapat kos perkhidmatan luar seperti penggunaan jentera kontrak untuk penuaian atau pembajaan, serta khidmat nasihat teknikal daripada perunding agronomi bagi memastikan pengurusan nutrien dan kesihatan pokok dilakukan dengan lebih sistematik. Kos-kos ini membantu meningkatkan keberkesanan ladang, namun ia memberi tambahan kepada struktur kos input.

Kos Lain-lain Input

Kos sokongan lain termasuk perbelanjaan pentadbiran, insurans tanaman, pembayaran cukai dan lesen. Walaupun komponen ini kelihatan kecil berbanding kos bahan langsung dan tenaga kerja, namun apabila digabungkan, ia tetap memberi impak terhadap keseluruhan kos pengeluaran. Insurans tanaman misalnya semakin penting berikutan risiko cuaca ekstrem dan banjir yang semakin meningkat.

Perbezaan Kos Input antara Pekebun Kecil dan Syarikat Besar

Kos pengeluaran per hektar bagi kelapa sawit adalah berbeza mengikut saiz keluasan ladang demografi dan juga persekitaran. Kos pengeluaran bagi pekebun kecil boleh mencecah RM3,200 per tan, berbanding sekitar RM2,800 per tan bagi syarikat besar. Perbezaan ini berpunca daripada ketidakcekapan skala yang dialami pekebun kecil, penggunaan buruh manual yang lebih intensif serta akses terhad kepada teknologi ladang moden.

Akses kepada Input dan Skala Pembelian

Syarikat besar membuat pembelian input seperti baja, racun dan input lain secara pukal pada harga yang jauh lebih rendah berbanding pembelian berskala kecil oleh pekebun kecil. Kos pengangkutan juga lebih rendah bagi syarikat besar kerana pengurusan logistik yang lebih tersusun. Bagi setiap pekebun kecil, mereka yang membuat pembelian kos bahan secara mereka terpaksa menanggung kos per unit yang lebih tinggi, tetapi pembelian secara kluster atau koperasi dapat mengurangkan kos tersebut dengan ketara.

Produktiviti / Hasil per Hektar

Produktiviti ladang yang berskala besar selalunya lebih tinggi kerana penggunaan teknologi, pengurusan nutrien yang lebih sistematik dengan keupayaan melakukan proses penuaian yang lebih efisien. Manakala senario bagi pekebun kecil pula, akan berhadapan dengan isu kekurangan tenaga buruh, kekangan modal dan kekurangan teknologi yang akan menyebabkan hasil pada setiap hektar menjadi lebih rendah. Apabila perkara ini berlaku, kos input bagi setiap unit penghasilan turut akan meningkat.

Jadual 3 : Hasil Pengeluaran Tandan Buah Segar (TBS) per hektar

Luas bertanam	Pengeluaran tandan	Jumlah pekerja
1000 hektar	30-50 metrik tan/ha	83-100 pekerja

Mekanisasi dan Kecekapan Operasi

Bagi meningkatkan kecekapan operasi di ladang, syarikat besar juga mampu melabur dalam jentera moden seperti *Grabber*, *mini-tractor*, *motorised cutter*, dron dan sistem *Geographical Information System* (GIS) dalam memantau proses pengeluaran di ladang. Mekanisasi akan membantu untuk mengurangkan kos buruh dalam jangka masa panjang. Walaubagaimanapun, pekebun kecil juga bergantung kepada operasi manual kerana perkhidmatan kontraktor yang mahal dan akan menyebabkan kos operasi lebih tinggi dan kurang efisien.

Gambar 1 : Jentera yang Digunakan Sewaktu Proses Mengangkat Tandan Buah Segar (TBS)



Rantaian Nilai Sawit terhadap Ekonomi Negara

Rantaian nilai industri sawit melibatkan pelbagai peringkat, bermula daripada penanaman hulu, pengangkutan tandan segar, sehinggalah kepada pemprosesan minyak sawit mentah dan penghasilan produk hiliran seperti oleokimia, makanan, bioenergi, kosmetik dan farmaseutikal. Setiap peringkat rantaian ini memberi kesan pengganda ekonomi yang tinggi, menjadikan subsektor sawit bukan sekadar aktiviti pertanian tetapi turut berfungsi sebagai aset strategik yang memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Peranan Pensijilan MSPO dalam Meningkatkan Produktiviti

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) berfungsi sebagai skim pensijilan nasional yang membantu meningkatkan amalan pengurusan ladang, pengeluaran, dan produktiviti, khususnya dalam kalangan syarikat besar. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan pekebun kecil masih rendah. Sokongan tambahan seperti bantuan teknikal, insentif secara berkelompok serta pengurangan kos audit diperlukan untuk meningkatkan penyertaan mereka.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Sumber :

Department of Statistics Malaysia. (2024). Banci Pertanian & statistik sawit. Retrieved from <https://storage.dosm.gov.my>

Malaysian Palm Oil Board. (2024). Maklumat industri & pekebun kecil. Retrieved from <https://mpob.gov.my>

Kementerian Perlindungan dan Komoditi. (2024). Maklumat dasar dan industri sawit Malaysia. Retrieved from <https://www.kpk.gov.my>

The Sun Daily. (2024). Palm oil production cost estimated at RM3,200 vs RM2,800 per tonne. Retrieved from <https://www.thesun.my>

The Star. (2024). Labour, fertiliser and mechanisation trends in Malaysia's palm oil industry. Retrieved from <https://www.thestar.com.my>

Transformasi Ladang Sawit Malaysia Melalui Penggunaan Dron Pintar

Badrulhisham bin Md Khalid, Muhammad Muzaimy bin Rahemi,

Izzah Nur Syazana binti Tukiran

Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

Pengenalan

Industri kelapa sawit Malaysia merupakan salah satu sektor ekonomi utama negara yang menyumbang besar kepada pendapatan eksport dan menyediakan peluang pekerjaan. Seiring dengan kemajuan teknologi, pengurusan ladang sawit kini semakin diperkaya dengan penggunaan dron pintar. Teknologi ini membolehkan pemantauan ladang melalui udara, pengumpulan data, serta pengurusan sumber secara efisien. Dengan pemantauan yang lebih tepat dan cepat, pengusaha ladang kelapa sawit dapat membuat keputusan berasaskan data, meningkatkan produktiviti serta menyokong amalan pertanian lestari.

Peranan Dron Dalam Industri Sawit

Penggunaan dron dalam ladang sawit membolehkan pemantauan kawasan ladang yang luas dengan lebih cepat dan tepat berbanding kaedah manual. Terdapat juga pertubuhan yang menggunakan dron berkapasiti tinggi untuk memantau pengeluaran buah kelapa sawit serta risiko keselamatan ladang, termasuk mengenal pasti kawasan sukar diakses dan mencegah kebakaran. Dengan teknologi ini, pengusaha ladang dapat mengesan masalah tanaman lebih awal dan membuat keputusan berasaskan data bagi meningkatkan hasil dan kualiti tanaman. Selain aktiviti pemantauan di ladang, dron juga digunakan dalam melindungi hasil tanaman, seperti penyemburan racun perosak. Sebagai contoh, dron *Poladrone Oryctes* dikawal melalui GPS dan mempunyai mod semburan “Mist” untuk kawasan luas dan mod “Spot” untuk semburan pada pokok tertentu, membolehkan penggunaan bahan kimia yang lebih efisien dan mengurangkan pembaziran (Amanz, 2020).

Jenis Dron yang Digunakan

Terdapat pelbagai jenis bergantung kepada fungsi dan keluasan ladang. *Poladrone Oryctes*, sebagai contoh, mempunyai sistem semburan berketepatan tinggi dengan kawalan GPS, sesuai untuk ladang besar dan operasi perlindungan tanaman. Selain itu, robot pertanian seperti *Robotic Agro in Complex Environment* (RACE) dibangunkan untuk melakukan operasi ladang secara autonomi, termasuk semburan racun dan penjagaan tanaman, serta mampu mendaki cerun hingga 30 darjah, menjadikannya sesuai untuk kawasan berbukit.

Teknologi pemetaan dron dan satelit juga digunakan untuk pemantauan dan analisis data ladang. Kerjasama antara Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membolehkan pengumpulan data bagi tujuan pemetaan ladang, analisis kesihatan tanaman, dan penjadualan penuaian secara lebih tepat (UTM News, 2024).

Gambar 1 : Poladrone Oryctetes Digunakan untuk Industri Kelapa Sawit



Faedah Penggunaan Dron

Penggunaan dron meningkatkan kecekapan operasi ladang sawit dengan membolehkan pemantauan kawasan yang luas dalam masa singkat, menggantikan sebahagian besar kerja manual dan menjimatkan kos buruh (The Star, 2019). Dron juga menggunakan penyemburan racun dan baja dijalankan secara tepat, seperti yang dicapai oleh *Poladrone Oryctes*, mengurangkan pembaziran bahan kimia dan pendedahan pekerja terhadap racun. Dron juga menyokong amalan pertanian lestari dengan mengoptimumkan penggunaan racun dan baja serta membolehkan pengurusan sumber yang lebih efisien. Dengan data yang diperolehi daripada dron, pengusaha ladang dapat membuat keputusan berdasarkan fakta, meningkatkan produktiviti ladang secara keseluruhan dan memelihara alam sekitar.

Cabaran Penggunaan Dron

Walaupun dron memberi pelbagai manfaat dalam pengeluaran sawit di ladang, namun terdapat juga cabaran dalam penggunaan teknologi ini. Kos permulaan yang tinggi merupakan salah satu halangan utama, terutamanya bagi pengusaha ladang kecil yang mungkin tidak mampu menanggung perbelanjaan modal ini. Pengendali dron juga perlu mematuhi peraturan keselamatan penerbangan serta menjalani latihan khusus untuk memastikan operasi dron selamat dan berkesan.

Faktor cuaca seperti hujan lebat dan angin kencang juga boleh menjejaskan operasi dron di ladang. Kepatuhan terhadap garis panduan keselamatan, termasuk mendapatkan lesen daripada *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) dan mengikuti latihan yang diiktiraf, amat penting bagi meminimumkan risiko dan memastikan operasi ladang berjalan lancar.

Masa Depan Dron dalam Industri Kelapa Sawit

Masa depan penggunaan dron dalam industri sawit dijangka semakin maju dengan integrasi teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dan analisis data besar. MPOB menekankan bahawa dron bersama sistem analitik dan AI membolehkan pengurusan ladang berasaskan data yang lebih pintar, termasuk ramalan hasil, pengesanan penyakit tanaman secara automatik, dan penjadualan penuaian yang lebih efisien.

Selain itu, robot pertanian seperti RACE membolehkan operasi ladang dijalankan secara autonomi, termasuk semburan bahan kimia dan penjagaan tanaman tanpa banyak campur tangan manusia. Dengan teknologi automasi dan pemantauan masa nyata melalui satelit atau rangkaian 5G, strategi pertanian akan menjadi lebih efisien, meningkatkan hasil dan kelestarian industri sawit Malaysia.

Gambar 2 : *Robotic Agro in Complex Environment (RACE)*



Kesimpulan

Secara keseluruhan, penggunaan dron dalam industri kelapa sawit Malaysia menunjukkan potensi yang besar untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan ladang. Teknologi ini membolehkan pemantauan kesihatan pokok sawit, pengurusan sumber yang lebih tepat, semburan bahan kimia secara berkesan, serta pengumpulan data untuk pengurusan ladang berasaskan fakta. Walaupun terdapat cabaran seperti kos permulaan yang tinggi dan keperluan latihan pengendali, sokongan teknologi dan dasar yang betul akan menjadikan dron alat penting dalam mewujudkan ladang sawit yang produktif, lestari, dan kompetitif di peringkat global.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Sumber :

The Star. (2019, November 20). Drones that do the work of 500 farmers are transforming palm oil. Diakses daripada <https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2019/11/20/drones-that-do-the-work-of-500-farmers-are-transforming-palm-oil>

Amanz. (2020). Poladrone Oryctes: Dron tempatan untuk semburan racun perosak ladang sawit. Diakses daripada <https://amanz.my/2020248162/>

MPOB. (2018). Majlis Minyak Sawit Malaysia: Laporan tahunan 2018. Diakses daripada <https://mpob.gov.my/wp-content/uploads/2024/02/MPOBAnnualReport2018.pdf>

Sabah Media. (2025, Februari 11). Produktiviti kelapa sawit Malaysia harus berteras teknologi. Diakses daripada <https://sabahmedia.com/2025/02/11/produktiviti-kelapa-sawit-malaysia-harus-berteras-teknologi/>

Civil Aviation Authority of Malaysia. (n.d.). Latihan dan pengendali dron. Diakses daripada <https://www.caam.gov.my>

UTM News. (2024, Oktober). Kerjasama MYSA & UTM lonjak pertanian pintar melalui teknologi SBAS. Diakses daripada <https://news.utm.my/2024/10/kerjasama-mysa-utm-lonjak-pertanian-pintar-melalui-teknologi-sbas/>

Analisis Morfologi Buah Sawit dan Kaitannya dengan Pengeluaran Minyak Sawit Mentah

Badrulhisham bin Md Khalid, Izzah Nur Syazana binti Tukiran,
Muhammad Muzaimy bin Rahemi
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar


Pengenalan

Kelapa sawit merupakan salah satu komoditi pertanian utama di Malaysia dan memainkan peranan penting dalam ekonomi negara melalui pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) serta produk hiliran. Keupayaan pengeluaran minyak sawit tidak hanya dipengaruhi oleh faktor luaran seperti cuaca dan pengurusan ladang, tetapi juga oleh struktur dalaman buah itu sendiri. Komponen utama buah sawit, termasuk *mesokarp*, *endokarp* dan *kernel*, mempunyai kepentingan tersendiri yang menentukan kuantiti serta kualiti minyak yang dapat diekstrak. Analisis morfologi merupakan kajian terhadap struktur dalaman buah sawit, membantu menilai potensi varieti yang ditanam, keberkesanan strategi penanaman serta tahap produktiviti ladang secara keseluruhan (Apriyanto et al., 2023)."

Struktur Dalaman Buah Sawit

Buah sawit terdiri daripada tiga komponen utama iaitu *mesokarp*, *endokarp* dan *kernel*. *Mesokarp* merupakan lapisan berisi yang kaya dengan minyak sawit mentah, manakala *endokarp* ialah tempurung keras yang melindungi *kernel*. *Kernel* pula merupakan sumber minyak isirung sawit (PKO). Nisbah dan ketebalan setiap komponen ini berbeza mengikut varieti buah, dan mempunyai impak langsung terhadap hasil minyak. Buah sawit diklasifikasikan kepada tiga varieti utama iaitu *Dura*, *Tenera* dan *Pisifera*, di mana ciri morfologi setiap varieti menentukan potensi penghasilan minyak mereka. Varieti *Tenera*, hasil kacukan *Dura* dan *Pisifera*, terkenal kerana menghasilkan minyak mentah yang tinggi dan menjadi pilihan utama dalam industri sawit Malaysia

Gambar 3 : Struktur Dalaman Buah Sawit




Mesokarp dan Kepentingannya terhadap Hasil Minyak

Mesokarp merupakan lapisan *pericarp* berwarna oren kekuningan yang mengelilingi *endokarp* dan menjadi komponen utama dalam penghasilan minyak sawit mentah (Shaari et al., 2023). Kandungan minyak dalam mesokarp lazimnya antara 45 hingga 55 peratus daripada berat buah, menjadikannya faktor utama yang menentukan kuantiti minyak yang dapat diperoleh daripada setiap tandan buah segar (TBS). Ketebalan *mesokarp* yang lebih tinggi meningkatkan kapasiti minyak per buah serta memberikan kadar perahan minyak (OER) yang lebih tinggi dan stabil. Perubahan warna *mesokarp* semasa pematangan buah juga digunakan sebagai indikator tepat untuk menentukan masa penuaian yang optimum. Buah yang dipetik terlalu awal atau lewat boleh menyebabkan pengurangan penghasilan minyak, sama ada kerana kandungan minyak belum optimum atau berlaku kehilangan minyak akibat kerosakan buah. Selain kuantiti, *mesokarp* juga mempengaruhi kualiti minyak.

Endokarp dan Peranannya dalam Produktiviti Minyak

Endokarp atau tempurung buah sawit tidak menyumbang kepada minyak CPO secara langsung, tetapi ia memainkan peranan penting dalam penentuan varieti, integriti buah dan kecekapan pemprosesan. Ketebalan tempurung menjadi ciri utama bagi membezakan varieti. Buah *Dura* mempunyai tempurung yang tebal dengan mesokarp nipis, menghasilkan minyak mentah yang rendah. Sebaliknya, varieti *Tenera* mempunyai tempurung yang nipis dan mesokarp tebal, memberikan hasil minyak yang lebih tinggi dan menjadi varieti komersial pilihan. Tempurung yang tidak terlalu tebal memudahkan proses pemisahan *mesokarp* semasa pengempaan di kilang, meningkatkan kecekapan mesin serta mengurangkan kehilangan minyak. Selain itu, *endokarp* yang kukuh membantu mengekalkan struktur buah semasa pengangkutan dan penuaian, seterusnya mengurangkan risiko buah pecah yang boleh menjejaskan kualiti minyak. Struktur *endokarp* yang baik juga memberi implikasi kepada pengurusan ladang, kerana buah yang tahan lasak lebih mudah diangkut dan diproses tanpa kehilangan hasil.

Gambar 4 : Varieti Buah Kelapa Sawit



Hubungan Morfologi Buah dengan Produktiviti Minyak

Kajian menunjukkan bahawa buah dengan mesokarp tebal dan endokarp nipis, seperti varieti Tenera, membolehkan penghasilan minyak yang lebih tinggi serta kadar perahan minyak yang lebih konsisten. Struktur dalaman buah bukan sahaja mempengaruhi hasil di peringkat ladang tetapi turut memberi kesan kepada proses pengempaan di kilang, termasuk kecekapan pemisahan mesokarp daripada tempurung dan pengurangan kehilangan minyak. Ciri morfologi buah sawit juga menjadi asas kepada strategi pemilihan varieti dan pembiakan tanaman berpotensi tinggi untuk meningkatkan produktiviti serta keuntungan industri sawit.

Kernel dan Nilai Tambah Ekonomi

Kernel berada di dalam *endokarp* dan mengandungi minyak isirung sawit (PKO). Walaupun ia tidak terlibat dalam penghasilan CPO secara langsung, *kernel* menyumbang kepada nilai tambah ekonomi bagi setiap tandan buah. Saiz *kernel* yang optimum dan keseimbangan antara *mesokarp* serta *endokarp* membantu menilai varieti yang sesuai untuk tujuan penghasilan minyak secara keseluruhan. Hubungan antara ketiga-tiga komponen dalaman ini menentukan kecekapan pengeluaran minyak dan nilai ekonomi yang dapat diperoleh dari setiap BTS.

Kesimpulan

Morfologi dalaman buah sawit merupakan faktor penting dalam menentukan keberhasilan pengeluaran minyak sawit mentah. Ketebalan mesokarp yang optimum, tempurung yang kukuh namun nipis, dan saiz *kernel* yang seimbang merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kuantiti serta kualiti CPO. Pemahaman terhadap ciri-ciri ini membolehkan pemilihan varieti berprestasi tinggi, pengoptimuman strategi penanaman, serta peningkatan kecekapan pengeluaran di kilang. Analisis morfologi buah sawit ini menjadi asas kepada usaha meningkatkan produktiviti ladang, keberkesanan pemprosesan dan daya saing industri sawit negara secara keseluruhan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Sumber :

Apriyanto, A., Compart, J., & Fettke, J. (2023). Transcriptomic analysis of mesocarp tissue during fruit development of the oil palm revealed specific isozymes related to starch metabolism that control oil yield. *Frontiers in Plant Science*, 14, 1220237. <https://doi.org/10.3389/fpls>.

Zhang, S., Yang, C., & Cao, H. (2023). Lipidomic profiles of lipid biosynthesis in oil palm during fruit development. *Metabolites*, 13(6), 727. <https://doi.org/10.3390/metabo13060727>

Badai, S. S., Rasid, O. A., Abdul Masani, M. Y., Shaharuddin, N. A., Abdullah, M. P., Parveez, G. K. A., & Ho, C.-L. (2024). Evaluation of the expression patterns of mesocarp-specific promoter MSP-C6 in transiently transformed oil palm tissues. *Journal of Tropical Plant Physiology*, 16(2), 39. <https://doi.org/10.56999/jtpp.2024.16.2.39>

Shaari, M. A., Shahidan, S., Mohd Arbain, S. I. S., Ruslan, N., Hasli, M. A., & Mohd Fadzli, N. (2023). Comparative analysis of oil content in Dura and Tenera palm fruit varieties. *Journal of Sustainable Natural Resources*, 4(2), 57–61. <https://publisher.uthm.edu.my>

Produktiviti Sawit dan Faktor yang Mempengaruhi Hasil Tandan Buah Segar (TBS)

Nur Nadia Kamil, Azman Ismail & Johari Minal,
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengenalan

Industri sawit merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dan menjadi sumber pendapatan penting kepada pengusaha ladang besar mahupun pekebun kecil. Oleh kerana minyak sawit digunakan di seluruh dunia dalam sektor makanan, kosmetik dan biobahan api, pemahaman berkaitan faktor yang mempengaruhi hasil sawit adalah penting bagi memastikan industri ini terus kukuh dan berdaya saing. Sebuah kajian melibatkan data hasil ladang sawit berlesen di Malaysia dari tahun 2016 hingga 2021 memberikan gambaran menyeluruh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti sawit negara, termasuk aspek pengurusan, penggunaan baja, umur pokok, tenaga kerja, keadaan cuaca dan juga saiz ladang.

Keluasan Pegangan Ladang (Saiz Ladang)

Dapatan kajian yang menggunakan kaedah regresi panel ini mendapati bahawa saiz ladang mempengaruhi hasil sawit. Namun hubungan ini tidak semudah anggapan bahawa ladang besar lebih produktif berbanding ladang kecil, sebaliknya, data menunjukkan hubungan yang berbentuk lengkung, iaitu hasil dipengaruhi oleh kecekapan pengurusan yang berubah mengikut keluasan. Ladang kecil biasanya mempunyai lebih kawalan terhadap kawasan tanaman, namun ladang bersaiz kecil ini kebiasaannya terhad dari segi modal, tenaga kerja dan keupayaan mekanisasi. Ladang dengan keluasan sederhana pula sering menunjukkan kecekapan terbaik kerana mempunyai sumber yang mencukupi tanpa beban logistik yang terlalu besar. Sementara itu, ladang yang sangat besar pula mempunyai kelebihan dari segi skala operasi, tetapi jika tidak disokong dengan sistem pengurusan yang mantap dan tenaga kerja mencukupi, keluasan tambahan tersebut mungkin tidak memberikan penjanaan hasil yang ketara. Secara mudahnya, saiz ladang mempengaruhi cara pengurusan dan akhirnya mempengaruhi prestasi hasil.

Penggunaan Baja

Selain saiz ladang, penggunaan baja juga memainkan peranan penting dalam menentukan produktiviti sawit. Baja ialah sumber nutrien utama yang menyokong pertumbuhan pokok dan pembentukan tandan buah segar. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa apabila ladang meningkatkan perbelanjaan baja, hasil biasanya meningkat pada peringkat awal. Namun, selepas satu tahap tertentu, penambahan baja secara berlebihan tidak lagi memberi kesan positif. Ini kerana pokok hanya mampu menyerap nutrien dalam jumlah yang optimum. Jika baja diberikan melebihi tahap keperluan, bukan sahaja berlaku pembaziran, malah keseimbangan nutrien boleh terganggu dan menjejaskan pertumbuhan pokok. Justeru, penggunaan baja secara tepat dan berasaskan analisis tanah lebih memberi manfaat kepada produktiviti dan kos operasi.

Harga Minyak Sawit Mentah (MSM)

Hasil sawit juga dipengaruhi oleh keadaan pasaran, terutamanya harga Minyak Sawit Mentah (MSM). Harga MSM pada tahun-tahun sebelumnya didapati memberi kesan kepada hasil semasa kerana ia mempengaruhi keputusan pelaburan ladang. Apabila harga MSM stabil dan tinggi, ladang lebih cenderung melabur dalam operasi penting seperti pembajaan, rawatan pokok dan penambahbaikan infrastruktur ladang. Pelaburan ini kemudiannya menyokong peningkatan hasil pada tahun berikutnya. Ini menunjukkan bahawa prestasi industri bukan hanya soal agronomi, tetapi secara tidak langsung juga dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi global.

Profail Umur Pokok Sawit

Di samping itu, umur pokok sawit juga merupakan salah satu faktor yang memberi kesan langsung kepada pengeluaran. Pokok sawit melalui beberapa fasa penting sepanjang kitaran hidupnya. Pada peringkat awal (0–3 tahun), pokok masih belum matang dan menghasilkan sedikit buah. Hasil meningkat dengan ketara apabila pokok memasuki usia matang (sekitar 9–18 tahun), iaitu tempoh produktiviti tertinggi. Menjelang usia tua, pengeluaran TBS mula menurun secara beransur-ansur. Oleh itu, keseimbangan umur pokok dalam ladang dan pelaksanaan penanaman semula yang terancang amat penting untuk memastikan konsistensi hasil dari tahun ke tahun.

Guna Tenaga

Faktor seterusnya ialah guna tenaga khususnya bagi kerja penuaian dan pemungutan TBS. Industri sawit masih sangat bergantung kepada kepakaran manusia untuk menentukan tahap kematangan buah dan menjalankan kerja penuaian yang tepat pada masanya. Kecekapan penuaian memainkan peranan besar kerana TBS perlu dituai pada waktu yang sesuai untuk mendapatkan hasil minyak yang tinggi. Apabila guna tenaga digunakan secara optimum dan penuaian dilakukan secara kerap (selang 7-10 hari), jumlah TBS yang dapat dikutip dapat dioptimumkan. Malah, penggunaan mekanisasi sokongan dalam bentuk alat penuaian moden juga semakin relevan dalam meningkatkan keberkesanan operasi ladang.

Keadaan Cuaca

Akhir sekali, keadaan cuaca turut memberikan kesan ketara terhadap hasil sawit. Faktor seperti suhu, hujan dan kelembapan mempengaruhi pertumbuhan pokok serta pembentukan bunga dan TBS. Musim hujan yang mencukupi membantu menyokong pertumbuhan akar dan daun, manakala suhu yang terlalu tinggi, terutamanya dalam tempoh jangka panjang, boleh memberi tekanan kepada pokok dan mempengaruhi hasil dalam tempoh satu hingga dua tahun selepas itu. Perubahan iklim seperti fenomena El Niño dan taburan hujan yang tidak menentu juga memberi cabaran kepada industri, namun pemantauan berterusan dan strategi agronomi yang adaptif mampu membantu ladang mengurangkan kesannya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, produktiviti sawit ditentukan oleh rangkaian faktor yang saling berkait antara satu sama lain. Saiz ladang, penggunaan baja, umur pokok, guna tenaga, harga MSM dan keadaan cuaca semuanya memainkan peranan penting dalam menentukan tahap hasil TBS sesebuah ladang. Memahami faktor-faktor ini membolehkan pengusaha merancang strategi pengurusan yang lebih baik, sama ada dalam meningkatkan pembajaan tepat guna, memperkemas kaedah penuaian, merancang penanaman semula atau menyesuaikan operasi dengan keadaan cuaca. Dengan pengetahuan yang betul dan pendekatan pengurusan yang sistematik, industri sawit Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus meningkatkan produktiviti dan kekal sebagai peneraju penting dalam pengeluaran minyak sawit global.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Sumber :

Siregar, A. A., Halimatussadiyah, A., Moeis, F. R., Anky, W. A. K., & Nainggolan, D. (2024). The oil palm replanting imperative: Are smallholder farmers willing to participate?. *Forest Policy and Economics*, 169, 103362.

Ogahara, Z., Jespersen, K., Theilade, I., & Nielsen, M. R. (2022). Review of smallholder palm oil sustainability reveals limited positive impacts and identifies key implementation and knowledge gaps. *Land use policy*, 120, 106258.

Lim, Y. L., Tenorio, F. A., Monzon, J. P., Sugianto, H., Donough, C. R., Rahutomo, S., ... & Grassini, P. (2023). Too little, too imbalanced: nutrient supply in smallholder oil palm fields in Indonesia. *Agricultural Systems*, 210, 103729.

Faeid, M. Z. M., Abidin, N. Z., & Applanaidu, S. D. (2020). Determining optimal replanting rate in palm oil industry, Malaysia: a system dynamics approach optimal policy search in oil palm plantation feedback loops using system dynamics optimisation. *International Journal of Information and Decision*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
Johor	50,812	97.0	1,578	3.0	52,390	100.0
Kedah	6,696	93.5	462	6.5	7,158	100.0
Kelantan	2,282	92.4	187	7.6	2,469	100.0
Melaka	2,174	84.4	403	15.6	2,577	100.0
Negeri Sembilan	9,454	95.6	434	4.4	9,888	100.0
Pahang	27,978	97.1	835	2.9	28,813	100.0
Pulau Pinang	2,271	87.7	319	12.3	2,590	100.0
Perak	30,880	97.0	968	3.0	31,848	100.0
Perlis	67	95.7	3	4.3	70	100.0
Selangor	15,861	96.7	540	3.3	16,401	100.0
Terengganu	6,771	97.0	206	3.0	6,977	100.0
Sabah	32,309	93.4	2,283	6.6	34,592	100.0
Sarawak	47,940	97.1	1,454	2.9	49,394	100.0
W.P. Kuala Lumpur	687	83.7	134	16.3	821	100.0
W.P. Labuan	9	100.0	-	-	9	100.0
W.P. Putrajaya	50	100.0	-	-	50	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023*Table 1.1: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
Johor	50,812	97.0	1,578	3.0	52,390	100.0
Batu Pahat	15,038	98.8	176	1.2	15,214	100.0
Johor Bahru	2,794	93.4	197	6.6	2,991	100.0
Kluang	8,151	95.1	421	4.9	8,572	100.0
Kota Tinggi	2,160	95.4	104	4.6	2,264	100.0
Mersing	1,493	95.2	76	4.8	1,569	100.0
Muar	5,696	97.2	165	2.8	5,861	100.0
Pontian	5,010	98.0	104	2.0	5,114	100.0
Segamat	3,991	95.5	188	4.5	4,179	100.0
Kulai	2,298	96.2	91	3.8	2,389	100.0
Tangkak	4,181	98.7	56	1.3	4,237	100.0
Kedah	6,696	93.5	462	6.5	7,158	100.0
Baling	1,213	96.3	47	3.7	1,260	100.0
Bandar Baharu	1,215	97.2	35	2.8	1,250	100.0
Kota Setar	233	89.3	28	10.7	261	100.0
Kuala Muda	1,127	88.0	153	12.0	1,280	100.0
Kubang Pasu	222	90.2	24	9.8	246	100.0
Kulim	1,400	92.0	121	8.0	1,521	100.0
Langkawi	4	100.0	-	-	4	100.0
Padang Terap	309	96.9	10	3.1	319	100.0
Sik	424	99.1	4	0.9	428	100.0
Yan	51	94.4	3	5.6	54	100.0
Pendang	300	90.6	31	9.4	331	100.0
Pokok Sena	198	97.1	6	2.9	204	100.0
Kelantan	2,282	92.4	187	7.6	2,469	100.0
Bachok	101	100.0	-	-	101	100.0
Kota Bharu	31	73.8	11	26.2	42	100.0
Machang	40	88.9	5	11.1	45	100.0
Pasir Mas	88	96.7	3	3.3	91	100.0
Pasir Puteh	67	94.4	4	5.6	71	100.0
Tanah Merah	581	97.8	13	2.2	594	100.0
Tumpat	10	100.0	-	-	10	100.0
Gua Musang	1,156	90.5	121	9.5	1,277	100.0
Kuala Krai	85	75.9	27	24.1	112	100.0
Jeli	122	97.6	3	2.4	125	100.0
Kecil Lojing	1	100.0	-	-	1	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)
Table 1.1: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Melaka	2,174	84.4	403	15.6	2,577	100.0
Alor Gajah	702	85.0	124	15.0	826	100.0
Jasin	1,127	91.6	104	8.4	1,231	100.0
Melaka Tengah	345	66.3	175	33.7	520	100.0
Negeri Sembilan	9,454	95.6	434	4.4	9,888	100.0
Jelevu	826	95.9	35	4.1	861	100.0
Kuala Pilah	176	84.2	33	15.8	209	100.0
Port Dickson	1,565	96.7	53	3.3	1,618	100.0
Rembau	384	92.1	33	7.9	417	100.0
Seremban	754	88.8	95	11.2	849	100.0
Tampin	2,145	96.2	84	3.8	2,229	100.0
Jempol	3,604	97.3	101	2.7	3,705	100.0
Pahang	27,978	97.1	835	2.9	28,813	100.0
Bentong	1,948	98.1	37	1.9	1,985	100.0
Cameron Highlands	28	100.0	-	-	28	100.0
Jerantut	3,551	98.7	48	1.3	3,599	100.0
Kuantan	2,197	93.3	157	6.7	2,354	100.0
Lipis	1,267	96.3	49	3.7	1,316	100.0
Pekan	1,958	95.3	97	4.7	2,055	100.0
Raub	1,302	97.2	37	2.8	1,339	100.0
Temerloh	2,499	97.2	71	2.8	2,570	100.0
Rompin	3,263	94.6	187	5.4	3,450	100.0
Maran	6,110	98.9	71	1.1	6,181	100.0
Bera	3,855	97.9	81	2.1	3,936	100.0
Pulau Pinang	2,271	87.7	319	12.3	2,590	100.0
Seberang Perai Tengah	625	86.3	99	13.7	724	100.0
Seberang Perai Utara	478	93.0	36	7.0	514	100.0
Seberang Perai Selatan	875	90.3	94	9.7	969	100.0
Timur Laut	126	59.7	85	40.3	211	100.0
Barat Daya	167	97.1	5	2.9	172	100.0
Perak	30,880	97.0	968	3.0	31,848	100.0
Batang Padang	1,928	95.2	97	4.8	2,025	100.0
Manjung	7,570	98.3	133	1.7	7,703	100.0
Kinta	1,930	90.8	196	9.2	2,126	100.0
Kerian	2,609	98.5	40	1.5	2,649	100.0
Kuala Kangsar	1,567	97.1	46	2.9	1,613	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	2,639	97.0	83	3.0	2,722	100.0
Hilir Perak	4,693	95.9	201	4.1	4,894	100.0
Hulu Perak	248	93.6	17	6.4	265	100.0
Perak Tengah	2,957	98.5	45	1.5	3,002	100.0
Kampar	494	97.1	15	2.9	509	100.0
Muallim	640	95.0	34	5.0	674	100.0
Bagan Datuk	2,329	98.6	33	1.4	2,362	100.0
Selama	1,276	97.9	28	2.1	1,304	100.0
Perlis	67	95.7	3	4.3	70	100.0
Selangor	15,861	96.7	540	3.3	16,401	100.0
Gombak	394	95.6	18	4.4	412	100.0
Klang	1,039	92.4	85	7.6	1,124	100.0
Kuala Langat	4,271	97.2	124	2.8	4,395	100.0
Kuala Selangor	4,144	98.1	79	1.9	4,223	100.0
Petaling	862	93.3	62	6.7	924	100.0
Sabak Bernam	2,184	98.6	32	1.4	2,216	100.0
Sepang	1,795	96.2	70	3.8	1,865	100.0
Ulu Langat	523	97.9	11	2.1	534	100.0
Ulu Selangor	649	91.7	59	8.3	708	100.0
Terengganu	6,771	97.0	206	3.0	6,977	100.0
Besut	729	96.9	23	3.1	752	100.0
Dungun	585	95.7	26	4.3	611	100.0
Kemaman	944	93.9	61	6.1	1,005	100.0
Kuala Terengganu	150	85.2	26	14.8	176	100.0
Marang	633	97.5	16	2.5	649	100.0
Hulu Terengganu	1,673	98.5	26	1.5	1,699	100.0
Setiu	1,883	98.9	21	1.1	1,904	100.0
Kuala Nerus	174	96.1	7	3.9	181	100.0
Sabah	32,309	93.4	2,283	6.6	34,592	100.0
Tawau	3,850	88.2	513	11.8	4,363	100.0
Lahad Datu	3,338	89.4	396	10.6	3,734	100.0
Semporna	735	86.8	112	13.2	847	100.0
Sandakan	2,145	80.1	533	19.9	2,678	100.0
Kinabatangan	2,995	93.6	204	6.4	3,199	100.0
Beluran	3,566	94.8	196	5.2	3,762	100.0
Kota Kinabalu	332	77.8	95	22.2	427	100.0
Ranau	1,604	99.5	8	0.5	1,612	100.0
Kota Belud	125	95.4	6	4.6	131	100.0
Tuaran	58	96.7	2	3.3	60	100.0
Penampang	99	84.6	18	15.4	117	100.0
Papar	56	93.3	4	6.7	60	100.0
Kudat	916	99.6	4	0.4	920	100.0
Kota Marudu	640	95.5	30	4.5	670	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Pitas	944	99.7	3	0.3	947	100.0
Beaufort	1,475	99.0	15	1.0	1,490	100.0
Kuala Penyu	122	99.2	1	0.8	123	100.0
Sipitang	40	97.6	1	2.4	41	100.0
Tenom	408	98.6	6	1.4	414	100.0
Nabawan	851	97.6	21	2.4	872	100.0
Keningau	3,152	98.7	43	1.3	3,195	100.0
Tambunan	168	98.2	3	1.8	171	100.0
Kunak	620	94.2	38	5.8	658	100.0
Tongod	2,301	99.7	8	0.3	2,309	100.0
Putatan	9	100.0	-	-	9	100.0
Telupid	1,492	98.9	17	1.1	1,509	100.0
Kalabakan	235	97.5	6	2.5	241	100.0
Membakut	33	100.0	-	-	33	100.0
Sarawak	47,940	97.1	1,454	2.9	49,394	100.0
Kuching	1,002	87.8	139	12.2	1,141	100.0
Bau	247	91.5	23	8.5	270	100.0
Lundu	1,286	93.7	87	6.3	1,373	100.0
Samarahan	545	93.0	41	7.0	586	100.0
Serian	2,213	97.6	55	2.4	2,268	100.0
Simunjan	568	97.4	15	2.6	583	100.0
Sri Aman	660	96.5	24	3.5	684	100.0
Lubok Antu	2,290	99.8	4	0.2	2,294	100.0
Betong	2,775	99.5	14	0.5	2,789	100.0
Saratok	1,181	99.6	5	0.4	1,186	100.0
Sarikei	725	90.7	74	9.3	799	100.0
Maradong	399	96.1	16	3.9	415	100.0
Daro	236	97.9	5	2.1	241	100.0
Julau	1,131	99.7	3	0.3	1,134	100.0
Sibu	558	68.6	255	31.4	813	100.0
Dalat	268	99.6	1	0.4	269	100.0
Mukah	1,285	96.5	46	3.5	1,331	100.0
Kanowit	499	97.7	12	2.3	511	100.0
Bintulu	1,825	93.7	122	6.3	1,947	100.0
Tatau	855	99.4	5	0.6	860	100.0
Kapit	345	98.6	5	1.4	350	100.0
Song	5	100.0	-	-	5	100.0
Belaga	1,396	99.8	3	0.2	1,399	100.0
Miri	4,949	93.9	322	6.1	5,271	100.0
Marudi	514	99.6	2	0.4	516	100.0
Limbang	1,146	99.4	7	0.6	1,153	100.0
Lawas	699	98.6	10	1.4	709	100.0
Matu	129	98.5	2	1.5	131	100.0
Asajaya	862	98.0	18	2.0	880	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Pakan	1,630	99.9	2	0.1	1,632	100.0
Selangau	1,179	99.2	10	0.8	1,189	100.0
Tebedu	1,067	99.3	7	0.7	1,074	100.0
Pusa	640	98.8	8	1.2	648	100.0
Kabong	1,960	99.7	6	0.3	1,966	100.0
Tanjung Manis	18	94.7	1	5.3	19	100.0
Sebauh	845	97.6	21	2.4	866	100.0
Bukit Mabong	2	100.0	-	-	2	100.0
Subis	4,066	98.3	70	1.7	4,136	100.0
Beluru	3,363	99.6	12	0.4	3,375	100.0
Telang Usan	547	99.6	2	0.4	549	100.0
Gedong	467	100.0	-	-	467	100.0
Sebuyau	596	100.0	-	-	596	100.0
Siburan	127	100.0	-	-	127	100.0
Pantu	729	100.0	-	-	729	100.0
Lingga	111	100.0	-	-	111	100.0
W.P. Kuala Lumpur	687	83.7	134	16.3	821	100.0
W.P. Labuan	9	100.0	-	-	9	100.0
W.P. Putrajaya	50	100.0	-	-	50	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State and administrative district indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023

Table 2.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Malaysia, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	236,039	99.9
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	202	0.1
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	179,610	76.0
	Perempuan <i>Female</i>	56,631	24.0
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	4,145	1.8
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	37,522	15.9
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	73,432	31.1
	60 tahun dan lebih <i>60 years and above</i>	121,142	51.3
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	185,659	78.7
	Cina <i>Chinese</i>	45,851	19.4
	India <i>Indian</i>	3,750	1.6
	Lain-lain <i>Others</i>	779	0.3
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	16,809	7.1
	Berkahwin <i>Married</i>	183,854	77.8
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	31,640	13.4
	Berceraai <i>Divorced</i>	3,490	1.5
	Berpisah <i>Separated</i>	448	0.2

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 2.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Malaysia, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	336	0.1
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	11,220	4.7
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	1,977	0.8
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	5,007	2.1
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	2,410	1.0
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	598	0.3
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	3,506	1.5
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	75,337	31.9
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	69,693	29.5
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	66,157	28.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Johor, 2023

Table 2.1: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Johor, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	50,794	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	18	0.0
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	37,170	73.2
	Perempuan <i>Female</i>	13,642	26.8
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	691	1.4
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	7,694	15.1
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	15,387	30.3
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	27,040	53.2
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	32,802	64.6
	Cina <i>Chinese</i>	17,297	34.1
	India <i>Indian</i>	614	1.2
	Lain-lain <i>Others</i>	81	0.2
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	3,833	7.5
	Berkahwin <i>Married</i>	39,846	78.4
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	6,395	12.6
	Berceraai <i>Divorced</i>	669	1.3
	Berpisah <i>Separated</i>	69	0.1

Jadual 2.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Johor, 2023 (samb.)

Table 2.1: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Johor, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	95	0.2
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	2,615	5.1
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	654	1.3
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	1,282	2.5
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	637	1.3
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	170	0.3
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	764	1.5
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	20,781	40.9
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	12,906	25.4
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	10,908	21.5

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.2: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Kedah, 2023

Table 2.2: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Kedah, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	6,695	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	1	0.0
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	4,930	73.6
	Perempuan <i>Female</i>	1,766	26.4
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	83	1.2
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	895	13.4
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	2,118	31.6
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	3,600	53.8
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	4,957	74.0
	Cina <i>Chinese</i>	1,403	21.0
	India <i>Indian</i>	182	2.7
	Lain-lain <i>Others</i>	153	2.3
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	394	5.9
	Berkahwin <i>Married</i>	5,584	83.4
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	625	9.3
	Berceraai <i>Divorced</i>	87	1.3
	Berpisah <i>Separated</i>	6	0.1

Jadual 2.2: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Kedah, 2023 (samb.)

Table 2.2: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Kedah, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	15	0.2
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	663	9.9
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	59	0.9
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	215	3.2
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	84	1.3
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	19	0.3
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	169	2.5
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	2,201	32.9
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	1,846	27.6
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	1,425	21.3

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.3: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Kelantan, 2023

Table 2.3: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Kelantan, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
